



PROTON

# Siaran Akhbar

## CAWANGAN 3S PROTON BAHARU DIBUKA DI SEREMBAN

- Setia Auto Drive Sdn Bhd buka cawangan pengedar 3S PROTON baharu di Seremban
- Sebanyak 79 cawangan 3S/4S PROTON kini beroperasi di seluruh negara
- PROTON kembali di kedudukan nombor dua bagi jualan kereta seluruh negara

**Seremban, 4 Mei 2019** – Setia Auto Drive Sdn Bhd (Setia Auto Drive) telah dibuka secara rasmi sebagai cawangan pengedar 3S PROTON yang mempamerkan warna Identiti Korporat (CI) Syarikat baharu. Majlis telah dirasmikan bersama-sama oleh Dr Li Chunrong, Ketua Pegawai Eksekutif PROTON, dan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Aminuddin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan. Barisan Pengarah Setia Auto Drive dan ahli pengurusan kanan PROTON turut hadir di majlis pelancaran tersebut.

### Setia Auto Drive Sdn Bhd sebagai pengedar baharu PROTON

Cawangan Setia Auto Drive merupakan sebuah bangunan yang mengagumkan, dengan kos pelaburan hampir RM3 juta, termasuk kos pengubahsuaian bangunan. Para pengedar percaya bahawa ianya sebuah pelaburan yang berbaloi berikutan pada perkembangan semasa PROTON. Cawangan ini terletak di Taman Perindustrian Galla, dikelilingi oleh kilang-kilang dan pelbagai kedai, iaitu kawasan yang menjadi tumpuan yang juga menempatkan penjual kereta jenama lain. Di samping itu, lokasinya yang strategik boleh dilalui dari lebuh raya PLUS yang hanya berjarak pemanduan selama 5 minit dari Plaza Tol Bandar Ainsdale dan keluar dari Seremban-Labu.

Cawangan ini juga dilengkapi dengan pelbagai kemudahan seperti Wi-Fi percuma, ruang untuk mengecap komputer riba dan ruang menunggu yang selesa. Untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada pelanggan, cawangan ini turut dilengkapi dengan 6 petak penyelenggaraan, 6 servis pengangkat, 9 kakitangan jualan yang berdedikasi dan 8 kakitangan servis.

"Berita tentang perkembangan PROTON begitu memberi dorongan dan mengujakan. Ianya sangat jelas bahawa pengguna kini telah mengubah persepsi mereka terhadap jenama. Sebelum ini jenama Syarikat bukanlah pilihan utama pelanggan, tetapi sekarang, pendapat mereka telah berubah. Bagi saya, saya sangat berpuas hati untuk menjadi sebahagian daripada jenama. Selain daripada merupakan kereta kebangsaan, saya bangga kerana model baharu dari PROTON dapat memberi manfaat dan menambahbaik kehidupan pelanggan melalui ciri-ciri keselamatan yang dipertingkatkan dan teknologi terkini yang boleh didapati di dalam kereta-kereta Proton," kata Dato' Yap Kat Boon, Pengarah Setia Auto Drive Sdn Bhd.

### 79 cawangan 3S/4S baharu dan dinaiktaraf beroperasi di seluruh negara

Sehingga kini, PROTON mempunyai 79 cawangan 3S/4S di seluruh negara untuk memastikan pelanggan dapat menikmati pengalaman jualan dan servis yang optimum. Cawangan-cawangan ini telah dinaiktaraf dalam memastikan ia selari dengan keperluan identiti korporat terkini. PROTON juga merupakan syarikat auto nombor 1 dengan cawangan 3S/4S terbesar di seluruh negara.

"Di PROTON, pelanggan adalah keutamaan kami. Kami ingin mereka berkunjung ke mana-mana cawangan PROTON dan menikmati tahap kepuasan pelanggan yang terbaik. Dengan 79 cawangan yang beroperasi sebagai 3S/4S, kami akan dapat memenuhi kesemua keperluan pelanggan di bawah satu bumbung," kata Dr Li.

### PROTON berada di tempat kedua bagi jualan kereta terkini

Peningkatan rangkaian cawangan secara meluas telah membuahkan hasil. Usaha ini telah menyumbang kepada bilangan jualan yang hebat. Jualan Syarikat telah meningkat dengan banyak, iaitu sebanyak 14.1% berbanding Mac 2019, dan 75% berbanding April 2018. Bulan ini, Syarikat mencatatkan 7,011 unit jualan, yang disumbangkan oleh model-model yang menjadi pilihan seperti Persona, Iriz, Saga dan X70. Pertumbuhan keseluruhan jualan telah meningkat sebanyak 50.2% dari Januari 2019 sehingga April 2019, berbanding tempoh sama tahun lepas. Proton X70 merupakan SUV yang paling popular dan menjadi pilihan di Malaysia buat masa ini dengan lebih 27,000 unit tempahan dan 11,133 unit telah diserahkan kepada pelanggan di



M/s 2 Dari 2

### **CAWANGAN 3S PROTON BAHARU DIBUKA DI SEREMBAN**

seluruh negara. Iriz dan Persona 2019 yang dilancarkan pada 23 April turut menyumbang kepada lebih 4,000 unit tempahan dari tempoh aktiviti pra-pelancaran selama 2 bulan yang dijalankan secara menyeluruh.

Dr Li menambah, "Aktiviti naiktaraf cawangan PROTON membolehkan pelanggan sedia ada dan baharu melihat PROTON secara berbeza. Pencapaian ini dibuat dengan usaha bersepadu dari semua pihak, iaitu dari para pengedar, pembekal dan juga kakitangan Syarikat. Saya sangat teruja untuk mengumumkan bahawa PROTON telah menukar kedudukan dari tempat ketiga, kembali kepada tempat kedua buat kali pertama dalam tempoh 37 bulan. Harapan saya adalah untuk mengekalkan kedudukan ini sehingga hujung tahun ini."

### **Promosi Mei 2019**

Pelanggan boleh menikmati penjimatan sehingga RM4,000 untuk Iriz dan Ertiga, RM3,800 untuk saga, dan pelbagai lagi tawaran bagi model-model terpilih Proton. Kunjungi cawangan PROTON terdekat untuk mengetahui lebih lanjut mengenai tawaran bagi bulan Mei.

-Tamat-

### **Mengenai PROTON**

PROTON Holdings Berhad adalah 50.1% milik DRB-HICOM Berhad dan 49.9% oleh Zhejiang Geely Holding Group Co. Ltd. Ditubuhkan pada tahun 1983, ia adalah satu-satunya pengeluar kereta OEM sepenuhnya yang lengkap dengan kemudahan penyelidikan dan pembangunan (R & D) di Asia Tenggara dan telah ditubuhkan dengan tiga objektif dasar kebangsaan utama, iaitu untuk menerajui pembangunan industri pembuatan komponen, untuk memperoleh dan meningkatkan kemahiran teknologi dan perindustrian dalam industri pembuatan otomotif dan untuk mengukuhkan daya saing antarabangsa dalam keupayaan industri Malaysia.

1985 menandakan satu tahun yang hebat dalam sejarah Malaysia apabila kereta nasional pertama negara, Proton Saga, dilancarkan untuk rakyat. Sejak itu, ianya menawarkan ciri yang termasuk kenderaan keluarga empat pintu yang serba boleh dan boleh dipercayai seperti Saga dan Persona, kereta eksekutif bergaya seperti Prevé, eksekutif elegan D-segmen Perdana serta kenderaan pelbagai guna yang luas dan berpatutan seperti Exora dan Ertiga . Terdapat juga Suprima S yang *sporty* anggun yang penuh dengan prestasi dan Iriz yang berani dan bergaya daripada menekankan keselamatan dan merupakan kereta kebangsaan ASEAN 5 Bintang yang paling berpatutan.

PROTON adalah lebih daripada sekadar sebuah syarikat kereta sebagai permulaannya sebagai pemacu utama pembangunan negara telah melihat jenama mempercepatkan proses pembelajaran menerusi pemindahan teknologi dengan perkongsian strategik dan kerjasama teknikal. Tidak syak lagi bahawa ia telah membantu mengembangkan ekonomi Malaysia melalui kemajuan dan kejayaan dalam industri automobil.

Dengan mendengarkan keperluan pelanggan, kereta PROTON kini berada di landasan mencapai misi untuk masa depan, dengan PROTON ditetapkan untuk menjadi sebuah marque yang membina kereta berkualiti dan selamat dengan semangat dan jiwa; kereta yang menyeronokkan untuk pemanduan - dan penyelesaian untuk dimiliki. Untuk maklumat lanjut, layari <http://www.proton.com>.

**Untuk sebarang pertanyaan sila hubungi:**

#### **Bahagian Kumpulan Komunikasi Koporat, PROTON**

- Mohamed Norin Abu Bakar di 012-243 9735 / tel: 03-8026 9674 / [mohamednorin@proton.com](mailto:mohamednorin@proton.com)
- Faisal Shah di hp: 019-321 8897 / tel: 03-8026 9389 / [faisalshah@proton.com](mailto:faisalshah@proton.com)
- Eyasmin Hameed di hp: 017-605 2072 / tel: 03-8026 9683 / [eyasmin@proton.com](mailto:eyasmin@proton.com)